

## Cinta Kurita

Psssst....

Ludah bisa disembur ke dalam cengkerang seekor ketam yang leka bermain di celah batu. “Yumm, satu lagi santapan untuk aku hari ini” Bisik hati Kurita dengan girang sambil mengubah semula warna tubuh seperti batu kepada warna asal. Ketam yang lemah ditelannya menggunakan bibir kerasnya. Kesemua empat lengan Kurita bergerak serentak dengan gerakan bertentangan empat lengan lain umpama cermin. Kurita menjamu selera dengan penuh gemalai.

“Tolong!” Suatu jeritan lemah kedengaran. Jeritan itu semakin lama menjadi semakin perlahan. Tanpa berlengah, Kurita terus berenang menuju ke arah suara itu umpama peluru berekor lapan. Kelihatan kelibat seekor sotong jantan yang sedang terapung lemah dan cedera pada beberapa lengannya.

“Hei, apa yang terjadi? Kenapa dengan engkau..?”

Singkat. Perkenalan yang benar-benar singkat. Namun pengalaman yang dikongsi bersama dalam usia perkenalan yang singkat itu telah menyatukan dua hati yang berbeza. Tanpa disedari Kurita, dia rupanya telah berjaya menyelamatkan bakal suaminya, Tongga. Bagi Tongga, dirinya sudah terhutang nyawa yang tidak mampu di balas dengan apa pun. Cinta mula bersemi antara mereka.

Ombak beralih musim berubah.

“Kurita!” Panggilan Okta yang kuat itu mengejutkan Kurita yang sedang bersantai.

“Aah, kau rupanya Okta. Ada apa?”

“Kurita, sudah hampir empat bulan kau bersama dengan Tongga. Lupakah kau pada adat istiadat masyarakat kita? Lupakah kau pada tanggungjawab kau?”.

“Apa maksud kau Okta? Aku tidak faham. Adat apa yang aku langgar?”

“Pemiakan! Adat istiadat kita Kurita. Kau tahukan, spisis kita harus membiak segera selepas bertemu pasangan hidup. Kurita, kau tidak pernah lupa pada adat. Tidak pernah kau tinggalkan adat istiadat kita. Kau sentiasa menjunjung tinggi adat kita, kau ikut setiap satu tanpa membantah. Mana mungkin kau lupa pada adat kita yang sedang aku perkatakan ini?”

“Oh adat itu maksud kau Okta. Sebenarnya aku... aku cinta pada Tongga. Aku tak mampu Okta. Aku tak mampu! Kau pun tahu kan, pemiakan mungkin membunuh Tongga seperti mana ia telah membunuh

kaum lelaki spisis kita yang membiak sebelum ini. Aku... aku tidak sanggup berpisah dari Tongga. Aku ingin sentiasa hidup bersama dirinya.” Perlahan Kurita meluahkan perasaannya, dengan suara yang tersekat-sekat, diikuti dengan cecair hitam pekat yang mengalir perlahan dari mulutnya, menandakan hatinya yang dilanda resah dan kesedihan.

“Ah, cinta.. Kurita, aku faham benar perasan kau itu. Tetapi, adat kita lebih penting dari semua itu. Apalah erti cinta, jika adat isitadat kita yang lebih penting kau singkirkan. ?”

“Penting? Penting untuk siapa Okta? Ah, mungkin kau andaikan, adat ini penting untuk menjamin kelangsungan hidup spisis kita bukan? Hakikatnya Okta, setiap satu pembiakan sudah cukup untuk menjamin kelangsungan satu generasi spisis kita. Cukup untuk menjamin spisis ini tidak pupus. Tetapi kau lihat sendiri sekarang, mana perginya generasi kita? Mengapa spisis kita yang tidak pernah meninggalkan adat, seolah-olah sudah semakin pupus? Kau tak sadar Okta. Adat ini memang penting. Tetapi bukan untuk kita. Adat ini penting untuk spisis manusia di atas sana!”

“Apa maksud kau Kurita? Apa kena mengena spisis manusia dengan masyarakat kita?.”

“Okta, takkan kau tak tahu. Walaupun kita membiak dengan banyak, manusia yang lebih berkuasa itu akan mengambil anak-anak kita,

dijual untuk mendapatkan keuntungan. Untuk dijadikan makanan. Mereka hanya memikirkan keuntungan sendiri, tidak pernah memikirkan kemaslahatan orang lain. Lihat, adat yang kononnya penting untuk masyarakat kita, sebenarnya, hanya memberi keuntungan kepada spisis lain. Adat yang kononnya dapat melestarikan budaya bangsa sebenarnya hanya membunuh jati diri kita. Itukah adat yang perlu kita ikut?”

“Mungkin benar kata-kata kau Kurita. Tetapi, walaupun adat ini tidak memberi keuntungan kepada kita, kau perlu ingat, inilah adat yang telah dipersetujui secara muafakat oleh masyarakat kita. Masyarakat kita tidak akan menerima perbuatan kau dan Tongga yang melanggar adat, terus bercinta tanpa membiak. Kau akan dikutuk, dihina, diasingkan. Kau tidak akan diterima Kurita. Kau mahu hidup seperti itu?”

“Ah, mungkin sudah tiba masa untuk kita mengubah adat ini Okta. Mengapa adat yang kolot, yang sudah tidak memberi keuntungan kepada diri kita, harus kita ikuti membuta tuli. Apalah gunanya adat yang menghancurkan jiwa kita?”

“Senang kau berkata-kata Kurita. Perkara yang sudah lama diikuti, mana mungkin semudah itu diubah? Sudahlah, aku cuma ingin mengingatkan kau akan kedudukan kita yang sebenar. Jangan kau lupa, dan jangan sesekali kau melanggar fitrah.”

“Tetapi, yang lama dikelek yang baru didukung! Adat perlu bersesuaian dengan zaman. Apa guna kebijaksanaan yang kita ada kalau kita masih dibendung adat lama? Aku berhak menentukan hidup aku sendiri. Biar aku tak berzuriat, asalkan aku bahagia dengan kekasihku.”

“Sudahlah. Penat aku bertekak. Aku balik dahulu. Kau fikir-fikirkanlah apa yang aku telah sampaikan. Semoga kau diberi petunjuk.”

Perbualan yang tegang antara Kurita dan Okta telah meninggalkan kesan yang sangat mendalam pada diri Kurita. Benar, dia teramat mencintai Tongga. Namun begitu, dia tidak mungkin dapat hidup dalam kebencian masyarakat kerana melanggar adat. Tidak mungkin dia dapat lari dari tanggungjawab yang dipikul, hidup bermasyarakat.

“Ah, mengapa seperti ini dilema hidupku? Bagaimana adat yang sezalim ini boleh menjadi muafakat masyarakat?” Desis hati Kurita, dalam kepiluan.

Malam itu, Kurita perlahan menghampiri Tongga. Kelapan-lapan lengannya di ayun perlahan gemalai, lalu disentuh lengan-lengan Tongga dengan lembut.

“Tongga.. Kau tahukan aku cinta padamu. Tetapi, aku juga dihimpit adat yang memaksa kita untuk membiak dan mendapatkan zuriat sebagai pelapis masyarakat. Aku... aku buntu”

“Kurita, aku sudah bersedia. Biarlah aku berkorban demi adat.”

Berombak suara Tongga bagaikan tidak yakin dengan keputusannya. Apa tidaknya, Tongga tahu, untuk mendapatkan zuriat, dirinya bakal terkorban. Ah, ini lah nasib kehidupan spesies seperti mereka, pembiakan akan menjadikan si jantan terlalu lemah untuk terus hidup.

“Tongga, kau tahukan.....”Kata-kata yang belum dapat diselesaikan Kurita dihentikan Tongga dengan gerak lengannya yang menyentuh lengan Kurita.

“Kurita, biar apa yang cuba kita lakukan, kita tidak akan berjaya.”

“Tongga, mengapa begitu kejam adat ini? Ke mana perginya hak engkau untuk hidup? Ke mana perginya? Mengapa kita harus menurut adat yang kejam ini?”

“Kerana... inilah hakikat hidup bermasyarakat Kurita. Kita tertakluk pada fitrah...” Singkat jawapan Tongga seolah-olah seorang pesalah yang pasrah berhadapan dengan hukuman. Kurita tidak dapat menahan sebak. Tersembur-sembur cecair hitam dari mulutnya.

Akhirnya keputusan dibuat.

Beberapa minggu selepas itu, Tongga menjadi lemah dan tidak lagi bermaya. Sangking hebatnya cinta Kurita, Tongga dijaga dengan penuh kasih sayang, sehingga dirinya sendiri terabai. Masih tersemat harapan dalam dirinya agar Tongga kembali bertenaga dan selamat. Namun, ketentuan takdir tidak dapat ditolak. Tongga akhirnya mati dalam dakapan Kurita.

Kini Kurita bersendirian, mengusung hampir 200,000 telur, menunggu masa. Keadaannya lemah tidak bermaya, tetapi digagahkan dirinya melalui tiap detik demi anak-anaknya.

“Tongga, aku merinduimu. Aku amat memerlukan engkau di sisi aku.” Hampir tiap hari, hati Kurita berbisik rindu terhadap pasangannya yang telah pergi meninggalkannya. Kini, rutin kehidupannya telah berubah. Kurita menghabiskan tiap harinya menjaga telur-telurnya dari di makan oleh pemangsa atau ditolak oleh arus. Akhirnya, keadaan Kurita menjadi semakin lemah dan tidak bermaya.

“Anak-anakku, kerana adat, kau bakal hidup bersendirian menempuh pelbagai dugaan tanpa ayah. Bagaimanakah nanti kehidupan kamu tanpa ibu?”

“Jangan tewas kerana cinta, Kurita.” Okta membisikkan kata-kata perangsang pada Kurita yang lemah.

“Apalah ertinya kehidupan tanpa cinta. Aku lemah tanpa lelaki.”

Kurita membiarkan dirinya hanyut. Cepat-cepat lengannya dipaut Okta.

“Mengapa kau sebodoh itu, Kurita? Kita lebih kuat daripada lelaki! Kita mampu terus hidup tanpa lelaki! Lihatlah, lelaki yang lemah kerana perempuan!” Okta jadi marah dalam usaha memujuk Kurita.

“Aku terlalu cintakan Tongga. Biarlah aku mati bertemu Tongga.”

Kurita mendesis lemah.

“Kau tak boleh mati kerana cinta! Kau boleh terus hidup dengan cinta! Cinta sejati adalah cinta ibu kepada anak-anaknya! Mampukah kau melihat anak-anak kau mati tanpa perlindungan ibunya? Kau sebenarnya kejam kalau berbuat begitu! Kau adalah ibu yang mementingkan diri sendiri!” Okta kelihatan marah sehingga tubuhnya berubah warna kuning berjalur biru. Beberapa anak kecil Kurita bermain-main di sekeliling mereka tanpa memahami apa yang berlaku.

“Aku tak mampu menanggung beban jiwa...” Kurita terus berputus harap. Anak-anak Kurita mulai menghampiri ibu mereka apabila melihat keributan itu.

“Sedarlah, cinta sejati adalah cinta ibu kepada anak-anaknya...”

Okta berlembut kembali sebelum berlalu pergi. Anak-anak kurita memaut



lengan ibu mereka. Kurita membuka kelopak matanya. Wajah anak-anaknya direnung semuanya. Wajah-wajah itu terlalu polos tidak mengerti apa-apa. Masing-masing sibuk berebut hinggap di lengan ibunya.

“Cinta sejati adalah cinta ibu terhadap anak-anaknya...” Berulang kali kata-kata Okta bermain di minda Kurita. Dengan lemah gemalai, lengan kurita mengaut dan mendakap anak-anaknya.